



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA (G.9)
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Ugama.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.9 (\$1,910 - \$2,650 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam / Perguruan Ugama / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.5 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
3. Mempunyai pengalaman dalam pemantauan sekolah-sekolah atau pentadbiran persekolahan ugama atau tugas-tugas lain yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan di Sekolah-Sekolah Ugama adalah keutamaan.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkembangan dan mengukuhkan agama Islam melalui pendidikan dan persekolahan Ugama;
2. Mengadakan pencerapan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah Ugama, sekolah Rendah / Swasta dan Menengah;
3. Menilai persediaan mengajar dan tahap profesionalisme guru dalam menyampaikan pengajaran serta mengawasi kesesuaian dan keberkesanan penggunaan alat bantu mengajar;
4. Memberi ulasan serta merta kepada Guru-Guru Besar / Ketua Guru Ugama dan Guru-Guru Ugama tentang hasil pemeriksaan, penilaian dan pencerapan yang dilaksanakan dan seterusnya memberikan cadangan-cadangan pembaikan dan tindakan yang perlu;



5. Mengadakan lawatan susulan bagi memastikan Guru-Guru Besar / Ketua Guru Agama dan Guru-Guru Agama membuat tindakan dan perhatian pada setiap teguran dan cadangan-cadangan yang diberikan;
6. Membantu memantau awal persekolahan dan meninjau program-program meningkatkan pencapaian pelajaran di Sekolah-Sekolah Agama dan Satu Mata Pelajaran Agama di Sekolah-Sekolah Rendah / Swasta dan Menengah;
7. Menyediakan laporan bagi setiap lawatan yang dilakukan; dan
8. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan dari masa ke semasa.